

Kandungan

Mesyuarat Agung PPM 2004	1
Symposium on Librarian Association and Professionalism	1
Berita Semasa	
Code of Ethics	2
Jamuan Makan Malam PPM	3
Bengkel Pengurusan Perpustakaan dari Perspektif Undang-undang	3
Aktiviti PPM 2004	
Kursus Pembantu Perpustakaan/ Pusat Maklumat (Lanjutan)	4
Aktiviti PPM 2004	4
Berita Semasa	
Pelancaran direktori Perpustakaan Perubatan & Kesihatan Malaysia	5
Senarai ahli baru PPM	5
Maklumat Penaja	
Elsevier (Singapore) Pte. Ltd.	6
Berita Semasa	
IFLA Core Activity for the Advancement of Librarianship (ALP)	2
Sekitar Perpustakaan	
PPM Council Members 2003/2005	8

Ketua Pengarang

Maimunah Kadir

Sidang Pengarang

Aripah Mohamed

Azmah Ishak

Hazmir Hj Zainal

Norbaizura Hj Malek

Grafik/Layout

Azlan Mohamad Hamzah

Pengumuman

Cik Rosna Taib telah dilantik sebagai editor Jurnal PPM. Jurnal PPM akan diterbitkan tidak lama lagi dan masih memerlukan sumbangan artikel. Semua ahli dialu-alukan untuk menyumbang artikel untuk jurnal tersebut. Sebarang sumbangan artikel hendaklah di serahkan ke Sekretariat PPM di alamat berikut :

Persatuan Pustakawan Malaysia

Peti Surat 12545

50782 Kuala Lumpur

atau Faks : (603)-26947390

atau email : ppm55@po.jaring.my

Sumbangan artikel berbentuk hardcopy perlu disertakan dengan softcopy (disket)

Harap maklum.

Mesyuarat Agung PPM 2004.

Mesyuarat Agung tahunan PPM bagi tahun 2004 telah diadakan pada hari Sabtu, 24 April 2004 bertempat di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. Seramai 135 orang ahli telah hadir pada Mesyuarat Agung kali ini.

Mesyuarat Agung PPM kali ini dirasmikan oleh Y. Bhg. Dato' Zawiyah Baba, Yang Dipertua Persatuan Pustakawan Malaysia.

Pada majlis perasmian tersebut satu ceramah khas telah diadakan oleh Y. Bhg. Dato Dr Zaiton Osman, Pemenang CONSAL Outstanding Librarian Award 2003.

Acara seterusnya ialah penyampaian anugerah Pingat Emas PPM 2003 kepada pelajar yang cemerlang di dalam bidang pengajian Sains Perpustakaan dan Maklumat.

Pada tahun ini, 2 anugerah Pingat Emas PPM 2003 telah diberikan. Puan Shuzlina Mat Amin adalah

pelajar terbaik Fakulti Pengajian Maklumat UiTM 2003. Pemenang Anugerah Pingat Emas PPM 2003 bagi Pelajar Terbaik Kulliyah Teknologi Maklumat, UIA ialah Cik Nor Sahlawaty Binti Halim. Pemenang menerima hadiah pingat emas dan sijil. lihat muka 8



Pengumuman Pemenang Anugerah Pingat Emas PPM



Mesyuarat Agung PPM bermula.

Symposium on Librarian Association and Professionalism : a Paradox Among Information Professionals.

Persatuan Pustakawan Malaysia buat julung kalinya telah menganjurkan Symposium on Librarian Association and Professionalism : a Paradox Among Information Professionals pada 23 April 2004. Ia telah diadakan di Auditorium, Perpustakaan Negara Malaysia.

Symposium ini dimulakan dengan ucapan aluan oleh Puan Putri Saniah Megat Abdul Rahman, Naib Presiden I PPM. Manakala ucapan utama simposium telah disampaikan oleh Y. Bhg. Dr Idris Mohd Noor dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Seramai 115 peserta dari seluruh Malaysia telah menghadiri Symposium ini. Pada simposium ini beberapa sesi pembentangan kertas kerja telah diadakan meliputi dua sesi dan sesi Diskusi dengan Ahli Majlis.

Sesi pertama bertemakan 'PPM : Silver Past Golden Tomorrow' yang dipengerusikan oleh Puan Kamariah Abdul Hamid. Sesi ini telah

mengetengahkan 2 kertas kerja yang disampaikan oleh Puan Rashidah Begum dan En Mohd Sharif Mohd Saad. Manakala pada sesi Panel Discussion, dua orang panel iaitu Puan Rashidah Bolhassan dan Puan Mazmin Mat Akhir telah memberikan pandangannya. Sesi ini telah dipengerusikan oleh Puan Maimunah Kadir.

Sesi kedua yang bertajuk 'Streamlining PPM activities for sustainability' pula telah dibentangkan oleh Puan Siti Zakiah Aman dan Puan Chin Loy Jyoon.

lihat muka 3



Para Peserta di Simposium PPM



Code Of Ethics

Preamble

The purpose of drawing up a code of ethics for the Librarians is to help set standards of professional conduct expected of members in line with the aims and objectives of the Association. It will also help regulate professional behavior in terms of safeguarding the interests of the community served. As librarians significantly influence or control the selection, organisation, preservation and dissemination of information, they are entrusted with the responsibility to provide their clientele access to information. Hence a code of ethics is vital in defining their professional responsibility.

The National Information Policy which was formulated in 1989 provides a framework to guide the free flow of information to all sectors of the Malaysian population. It does not, however, include the role and responsibility of the librarian in the provision of information services – perhaps a reflection of the ‘low-key’ image accorded to librarians in this country. A written code of ethics to guide their professional conduct will certainly help enhance the professional image of librarians.

Code of Ethics

Librarians must uphold and maintain the principles as laid down in the Constitution of the Librarians Association of Malaysia. In addition to this, they :

1. Must provide the highest level of service to library users through appropriate and usefully organized resources, equitable service policies and accurate, unbiased and courteous response to all requests.
2. Must strive for excellence in the profession by maintaining and enhancing their knowledge and skills, and keeping abreast of developments in librarianship.
3. Should uphold the principle of intellectual freedom and allow users to have free and equal access to sources of information without discrimination, within the limits of the law.
4. Must protect the library user’s right to privacy and confidentiality with respect to information sought or received, and materials consulted or borrowed.
5. Must distinguish between personal philosophy or attitudes and professional duties by not allowing personal beliefs to interfere with aims of the institution or professional body.
6. Must avoid situations in which personal interests and gains may be advanced at the expense of library users, colleagues or employing institutions.
7. Must ensure that actions and decisions are determined solely by professional judgement; librarians should not profit from their position other than by normal remuneration or fee for professional services.
8. Must treat co-workers and fellow librarians with respect, fairness and goodwill.

Dari muka 1



Puan Siti Zakiah sedang menyampaikan ucapan di Simposium PPM

Pada sesi akhir simposium, satu diskusi bersama ahli majlis PPM telah diadakan yang dipengerusikan oleh En Mohd Sharif Mohd Saad. Hasil daripada itu, beberapa isu-isu penting mengenai PPM dapat diutarakan untuk dibincangkan dan tindakan semua pihak. Beberapa perkara yang diutarakan dan perlu diambil perhatian oleh PPM ialah :

- a. Pustakawan Malaysia perlu terus bergiat aktif melalui PPM dan IFLA.
- b. PPM perlu terus memberi sokongan dan subsidi bagi membolehkan ahli bergiat aktif di peringkat IFLA.
- c. Lebih banyak perpustakaan di Malaysia dijadikan tempat memberi latihan kepada pustakawan dari luar negara.
- d. Adakan lebih banyak program IFLA di Malaysia.
- e. Ahli perlu menilai semula keperluan PPM sebagai sebuah badan profesional.
- f. PPM perlu merancang masa depannya dan melihat semula objektif, struktur dan peranannya dari masa ke semasa.
- g. Jawatankuasa PPM perlu menyusun strategi dan menjalankan aktiviti selari dengan perlembagaan PPM

h. Jawatankuasa-jawatankuasa PPM boleh memohon keperluan kewangan kepada majlis PPM seperti yang termaktub dalam perlembagaan PPM.

Simposium yang diadakan ini telah berjaya mencapai objektif dalam mewujudkan kesedaran dikalangan profesion pustakawan untuk melibatkan diri dalam persatuan profesional untuk pembangunan profesion mereka. Disamping itu, inisiatif mengadakan simposium adalah langkah yang baik dalam mengetengahkan peranan dan kepentingan PPM dalam pembangunan perpustakaan, profesioan pustakawan dan perkhidmatan maklumat terutamanya dalam era digital dan teknologi maklumat yang semakin mencabar kini.

Jamuan Makan Malam PPM 2004

Pada 23 April 2004, PPM telah mengadakan majlis makan malam bertempat di Kelab Golf Perkhidmatan Awam. Para tetamu telah dihiburkan oleh kumpulan Kombo, Jabatan Penjara Malaysia. Diantara acara yang menarik adalah pertunjukkan fesyen batik oleh para pustakawan yang telah menjayakan fesyen Batik Malaysia. Ramai yang terpegun dan terpesona dengan pertunjukan Batik tersebut. Sungguh tidak sangka bahawa pustakawan juga boleh menjadi model!.

Acara kemuncak pada malam teresbut adalah persembahan istimewa Adibah Noor. Persembahan beliau mendapat tepukan gemuruh kerana suara beliau yang lunak serta pandai menghibur. Puan Hasyimah dari Perpustakaan Negara telah dipilih sebagai johan wanita berpakaian tercantik dan Puan Haini dari Perpustakaan Majlis Perbandaran Subang Jaya sebagai Naib Johan.

lihat muka 8

Bengkel Pengurusan Perpustakaan dari Perspektif Undang-undang di Bayu Beach Resort, Port Dickson .

Persatuan Pustakawan Malaysia dengan Kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Perpustakaan dari Perspektif Undang-undang pada 17 -19 Mei 2004 bertempat di Bayu Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Bengkel yang julung kali diadakan ini telah dihadiri oleh 35 orang peserta daripada perpustakaan-perpustakaan seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Peserta-peserta bengkel terdiri daripada Pustakawan dan ketua perpustakaan dari Institut Pengajian Tinggi Awam.

Fasilitator bengkel ini merupakan mereka yang berpengalaman dalam bidang undang-undang. Mereka adalah Prof Madya Siti Naaishah Hambali dan En Mohamad Rizal Abdul Rahman, kedua-duanya dari UKM.

Antara objektif bengkel ini adalah untuk membolehkan para peserta memahami undang-undang dan peraturan kerajaan berkaitan dengan perpustakaan. Selain itu, peserta dapat mengetahui kaedah memberi perkhidmatan kepada pelanggan dengan tidak

melanggar undang-undang. Ia juga membolehkan pihak pustakawan dan pengurusan perpustakaan melaksanakan peraturan perpustakaan selaras dengan undang-undang.

Secara keseluruhan, bengkel ini telah memberi kesan kepada para pustakawan untuk menjalankan aktiviti dan tugas mereka di perpustakaan dengan mengikut lunas-lunas undang-undang Malaysia dan antarabangsa. Kebanyakan peserta mengharapkan pihak PPM dapat menganjurkan bengkel lanjutan berkenaan isu yang berkaitan undang-undang di perpustakaan.



Penceramah sedang memberi komen aktiviti berkumpulan



Acara Penutup

Kursus Pembantu Perpustakaan/Pusat Maklumat (Lanjutan) di Maktab Kerjasama Malaysia, Petaling Jaya

Persatuan Pustakawan Malaysia telah menganjurkan kursus Pembantu Perpustakaan/Pusat maklumat (lanjutan) di Maktab Kerjasama Malaysia pada 5 - 10 April 2004 yang lepas. Seramai 31 orang pembantu perpustakaan / pusat maklumat dari serata Malaysia termasuk dari Sabah telah menyertai kursus ini.

Fasilitator bagi kursus ini adalah seramai lima orang. Mereka terdiri daripada En Wan Suhaimi Ariffin (HUKM), En Jasmin Jaimon (KUIM), Pn Aripah Mohamed (UKM), En Hazmir Hj Zainal (HUKM) dan Pn Lela Ruzma Mohd Shaari (UKM).

Objektif Bengkel ini adalah untuk mempertingkatkan pengendalian kerja-kerja perpustakaan / pusat maklumat dengan lebih berkesan. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dalam memberikan perkhidmatan rujukan dan perkhidmatan pelanggan

yang berkualiti dan untuk menghasilkan kerja-kerja pengkatalogan dan pengkelasan yang seragam dan mengikut piawaian kebangsaan dan antarabangsa.

Secara keseluruhan, para peserta berpuas hati dengan kursus yang dijalankan dan mencadangkan agar Persatuan Pustakawan Malaysia menganjurkan kursus-kursus yang sebegini dan berkaitan dengan Pengkatalogan, Pengkelasan dan Khidmat Pelanggan pada masa hadapan.



Para Peserta Kursus Pembantu Perpustakaan/ Pusat Maklumat

Kalender Aktiviti PPM 2004	Tarikh	Tempat
1. Pelancaran Bulan Membaca Kebangsaan	1 Julai 2003	Rennasaince Hotel, Kuala Lumpur
2. Dialog Dengan Pembekal	27 Julai 2004	Auditorium, PNM
3. Bengkel Kemahiran Maklumat	28 - 31 Julai 2004	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang.
4. Bengkel Pendigitan Dokumen 2004	3-4 Ogos 2004	UPM, Serdang, Selangor
5. Pakej PPM ke IFLA	15-31 Ogos 2004	Bueno Aires, Argentina
6. Kursus Pengkatalogan Sumber elektronik	16-18 Ogos 2004	Perpustakaan UMS, Kota Kinabalu, Sabah
7. Kursus Asas Pembantu Perpustakaan	6-11 September 2004	Maktab Kerjasama Malaysia
8. Library Leadership training Program	27-29 September 2004	Akan dimaklumkan kemudian
9. Sharjah Book Fair dan lawatan ke Dubai Internet City serta Universiti of Sharjah	Disember 2004	Dubai
10. Pakej PPM ICADL ke-7	Disember 2004	Shanghai, China

PELANCARAN DIREKTORI PERPUSTAKAAN PERUBATAN & KESIHATAN MALAYSIA

Pada 24 April 2004 yang lepas telah diadakan Pelancaran Direktori Perpustakaan Perubatan dan Kesihatan Malaysia. Majlis pelancaran tersebut diadakan di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia sempena Mesyuarat Agung PPM 2004. Direktori Perpustakaan Perubatan & Kesihatan Malaysia adalah hasil inisiatif Jawatankuasa Tetap Pustakawan Perubatan yang dimulakan sejak tahun 2002.

Direktori ini diterbitkan sebagai satu rujukan penting yang diperlukan dikalangan perpustakaan perubatan dan kesihatan diseluruh Malaysia bagi mengetahui kedudukan staf, koleksi dan perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan berkenaan. Ia juga menjadi panduan kepada pustakawan, pengurus maklumat, kakitangan perpustakaan dan pembekal lain yang menjalinkan hubungan bagi meningkatkan perkhidmatan perpustakaan lain.



Majlis Pelancaran Direktori Perpustakaan Perubatan & Kesihatan Malaysia.



Tujuan :

Tujuan direktori ini disediakan adalah untuk memberi maklumat mengenai Perpustakaan Perubatan dan Kesihatan Di Malaysia dikalangan pustakawan, penyelidik dan penuntut. Ia juga bertujuan untuk menjalinkan hubungan bagi meningkatkan perkhidmatan perpustakaan di Malaysia dan dapat dijadikan panduan bagi pembangunan sesebuah perpustakaan perubatan.

Skop :

Maklumat direktori ini dikumpulkan berdasarkan kepada borang soalselidik yang telah diedarkan kepada semua Perpustakaan Perubatan dan Kesihatan diseluruh Malaysia sehingga Oktober 2003. Sebanyak 70 buah perpustakaan perubatan telah memberi maklumbalas dalam soalselidik ini. Entri-entri disusun mengikut abjad dan jenis perpustakaan iaitu Perpustakaan Akademik, Perpustakaan Kementerian Kesihatan. Maklumat ini juga boleh diakses dilaman web berikut :

<http://lib.hukm.ukm.my/mlg>

Harga : Direktori ini dijual dengan harga RM 10.

Senarai Ahli Baru PPM Sehingga Mei 2004

Ahli Profesional

Agatha AK Francis Umbit	
Ahmad Fakhiduin Ibrahim	Ins. ANS
Aminah Ali	PNM
Effah Imtiaz Zainol	KUSTEM
Anidah Mohamaed	Perp. Awam Kelantan
Asmah Sabtu	Kolej Tek. Binaan
Farizal Mohamad	
Ghazali Mohamed Fadzil	Bank Negara Malaysia
Halida Yu	UiTM
Hasdanidar Abd Jalal	KUKUM
Hasnita Amno	UNITAR
Jamain Manap	UNITEM
Md Nizam Azid	KUKUM
Mohd Fauzi Alias	UNITEM
Mohd Illyas Ismail	
Mohd Sazlan Kassim	PNM
Mohd Shahrul Annuar Alawi	KUKUM
Mohd Zaihan Husin	UiTM

Mohd Zaidi Sahid	UiTM
Nor Sahlawaty Bt Halim	MLIS
Norakmal Abd karim	KUKUM
Norazila Ahmad Palal	UIAM
Norhayati Baba	UiTM
Norhayati Hussin	UiTM

Ahli Gabungan

Abdul Rahman Ahmad	UiTM
Alwi Mohd Yunus	UiTM
Danielle TSeng	EBSCO International
Hairani Wahab	UiTM
Ho Wee Fong	Kolej Selatan
Lee Hui Ken	
Mohd Sairi Hj Yusoff	UiTM
Mohd Khairil Huda Mohd Ali	UiTM

Ahli Institusi

1. Checkpoint Systems Sales (M) Sdn Bhd
2. Azzure Trading Sdn Bhd

...bersambung keluaran akan datang


ONE STOP. MANY ANSWERS...



discoverygate



[HTTPS://GATEWAY.DISCOVERYGATE.COM](https://gateway.discoverygate.com)



DiscoveryGate, is the only service to integrate, index, and link the three types of content sources necessary for answering discovery questions - all with one login.

- Search an online source of over 18 million compounds and more than 10 million reactions
- Unlimited usage lets researchers search DiscoveryGate whenever they choose, as often as they like, from their Web browser
- Organize compounds by properties, activities, and availability
- Review more than 28,000 synthetic methods from authoritative reference works
- Link to over 20,000 journal titles and patents



For more information, please email sginfo@elsevier.com.

IFLA Core Activity for the Advancement of Librarianship (ALP)

General Information

ALP International Focal Point

The International Focal Point is located at Uppsala University Library in Sweden. Its activities are funded by Nordic Libraries and Library Associations. It is staffed by a full-time Core Programme Director, a part-time Research Officer, and a part-time Administrative Assistant. It supports the development of the programme, coordinates its activities, acts as a knowledge centre and engages in fundraising activities.

1. Call for Application : IFLA/ALP Project Fund

Guidelines for ALP Project Applications

Project applications can be made to the ALP Programme for support to librarians, library associations, library schools or others who want to develop cooperation, knowledge and services within the special programme areas of ALP.

Project Areas

The three special programme areas of ALP are:

- Continuing education and training;
- Support of library associations, promotion of library and information services to the general public.
- Introduction of new technology into library services.

Criteria

The following criteria are relevant:

- The project should be of relevance to several countries in the sub-region or region;
- Or, if it is national, it should lend itself to development as a model or pilot project, able to be repeated in other countries;
- It should have the support of relevant authorities or organizations;
- It should fit into the current Medium Term Programme of ALP;
- Projects cannot be supported if their main aim is to provide buildings or equipment.

Information that must be submitted

- Background and justification (needs/problems, general situation including roles of local authorities and organizations);
- Objectives (in concrete, realistic and measurable terms);
- Target group (Who will benefit? Participation?);
- Institutional framework (responsible organization/institution and its national standing);

- Person responsible (qualifications/experience);
- The Project (activities, methodology, personnel, equipment);
- Time schedule (maximum 5 years, phases);
- Project budget in USD (total costs, amount requested from IFLA/ALP);

Support from authorities/organizations (Has the proposal already been submitted to other organizations for support? With what results?);

- Proposals for reporting, monitoring, evaluation;
- Continuity (How will continuity be assured? What happens when the project is completed? Which local authorities or organizations will assume responsibility?);
- Will the results of the project be published?;
- Who will actually work with the project? Qualifications?

The application should be sent to IFLA's office in the concerned region: Asia and Oceania/ or for more information :

*Ms. Pensri Guaysuwan
Regional Manager IFLA Regional Office
for Asia and Oceania
(Host Thai Library Association)
1774/87 Charansanitwong 63,
Bangkok 10700
Thailand
Tel: +66 2 4242760
Fax: +66 2 881 7033
E-mail: iflaroao@alpha.tu.ac.th*

bersambung pada isu Julai/Ogos

dari muka 1

Di samping itu, acara pelancaran Anugerah Kualiti PPM juga diadakan pada Majlis Perasmian Mesyuarat Agung PPM ini. Anugerah ini diwujudkan adalah untuk memberikan pengiktirafan kepada perpustakaan yang dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan terbaik kepada pengguna.

Pada majlis ini juga telah diadakan Pelancaran Direktori Perpustakaan Perubatan dan Kesihatan Malaysia oleh Y Bhg Dato' Zawiyah Baba, Yang DiPertua Persatuan Pustakawan Malaysia. Direktori ini diterbitkan atas usaha Jawatankuasa Tetap Pustakawan Perubatan yang menjadi satu rujukan penting yang diperlukan dikalangan perpustakaan perubatan dan kesihatan di seluruh Malaysia.

Mesyuarat Agung yang diadakan telah membentangkan laporan aktiviti dan penyata laporan kewangan PPM sepanjang tahun 2003. Selain itu, beberapa usul dan cadangan oleh ahli PPM telah dibincangkan pada mesyuarat Agung kali ini. Antaranya ialah cadangan agar PPM mengkaji pengujudan Akta Pustakawan bagi profesion kepustakawanan, dan cadangan kad keahlian Profesional untuk ahli Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM).



Antara ahli majlis PPM yang hadir pada Jamuan Makan Malam PPM



Artis Adibah Noor menyampaikan persembahan pada Majlis tersebut

dari muka 3

PPM berhasrat akan meneruskan acara majlis makan malam ini pada setiap tahun. Tahniah kepada Jawatankuasa kecil Sosial PPM yang telah bertungkus lumus menganjurkan Majlis Makan Malam PPM 2004.



Para ahli PPM yang hadir pada majlis tersebut

Sumbangan Berita

Berita PPM sentiasa mempertingkatkan kualiti kandungannya, Oleh itu kami amat mengalu-alukan sumbangan berita dan rencana daripada para ahli PPM. Sebarang sumbangan bolehlah di hantar ke alamat:

Puan Maimunah Kadir

d/a Perpustakaan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia

Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak

56000 Cheras Kuala Lumpur

Tel: 03-91702288

E-mail: mai@mail.hukm.ukm.my

PPM Council Members 2003/2005

President

Dato' Zawiyah Baba

Vice President 1

Putri Saniah Megat Abdul Rahman

Vice President II

Siti Zakiah Aman

Immediate Past President

Rashidah Begum Fazal Mohamed

Honorary Secretary

Nafisah Ahmad

Honorary Assistant Secretary

A Azli Abd Rahim

Honorary Treasurer

Chin Loy Jyoon

Honorary Assistant Treasurer

Rajeswary K. Ramalingam

Council Members

Mohd Sharif Mohd Saad

Maimunah Kadir

Hasbullah Atan

Norma Mohd Darus

Shaifol Yazam Mat